



**RADIN (tengah), Abu Bakar, Roszman serta rombongan jawatankuasa penganjur menunjukkan poster Pesolar 2018.**

## Radin **tetamu kehormat** Pesolar 2018

UB 8.11.2017 A6  
KOTAKINABALU: Seminar Pembangunan Sumber dan Komuniti Luar Bandar Kebangsaan (Pesolar 2018) dan Bengkel Penerbitan Buku Karya Suntingan Pesolar 2018 akan diadakan pada 27 Februari hingga 1 Mac 2018.

Seminar itu dianjurkan oleh Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Majlis Professor Negara (MPN Chapter UMS) dan Penerbit UMS.

Seminar bertemakan

‘Merekayasa Produktiviti Sumber Untuk Kemakmuran Komuniti Luar Bandar’ itu akan dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Panglima Radin Maleh.

Perkara itu dinyatakan dalam taklimat oleh rombongan Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai Profesor Madya Dr Roszman Hussin ketika mengadakan kunjungan hormat ke atas Radin di pejabat Kementerian

Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Sembulan pada Isnin.

Selain memberi taklimat mengenai penganjuran seminar itu, rombongan juga telah menyampaikan jemputan rasmi kepada Radin untuk menjadi tetamu kehormat seminar berkenaan.

Kunjungan hormat itu turut dihadiri Setiausaha Tetap KPLB Abu Bakar Hj Abd Latip, Timbalan Setiausaha Tetap KPLB Sualim Sanan, Setiausaha Rendah KPLB Yahya Abdul Karim, Profesor

Madya Jabil Mapjabil selaku pengarah sekretariat seminar, Badariah Ab Rahman, Dr Harifah Mohd Noor, Dr Norhuda Salleh dan Dr Teuku Afrizal.

Yuran pendaftaran bagi pembentang individu ialah RM850, pembentang berkumpulan (tiga orang) RM600 seorang untuk tiga peserta, pembentang individu (staf UMS) ialah RM600 (RM500 untuk tiga peserta), pelajar pascasiswazah RM500, pembentangan artikel bab ke-2 RM250 dan pembentangan artikel bab ke-3 RM150.